

JUMAAT • 02.02.2018

kota@utusangroup.com.my

# UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,  
Melalui Jalan Chan Sow Lin,  
55200, Kuala Lumpur,  
facebook: Utusan Kota  
Twitter: @UtusanKota  
Laman web: www.utusan.com.my



LEMBAH KLANG  
NEGERI SEMBILAN  
MELAKA

REAKSI

BAHAYA MENANTI  
PENDUDUK



"Bagi GPS ia sangat berbahaya kerana longgokan ini dipisahkan kira-kira 20 meter dari tiang dan voltan tersebut. Bagaimanapun, kita telah membawakan isu ini kepada TNB dan mereka menyatakan untuk berunding dengan MPKJ untuk memastikan tindakan selanjutnya diambil."

**AZMAN AHMAD**  
Pengerusi GPS



"GPS ditahapkan, tayar-tayar tersebut milik peniaga yang mengambil jalan mudah menjadikan tanah lapang tersebut sebagai tempat simpanan sementara tanpa perlu membayar sewa tapak. Ini tidak sepatutnya berlaku."

**HAMDAN ABU**  
Setiausaha GPS



"Mencegah lebih baik daripada mengobati. Saya gesa supaya MPKJ memindahkan semua tayar terpakai ke kawasan lain asalkan bucan di kawasan lapang kerana ia mengundang risiko kebakaran dan denggi."

**ZUHAIRY ABD KARIM**  
Penduduk



"Kita tidak boleh menggunakan air sahaja jika berlaku kebakaran, perlu guna 'foam' atau masa berminggu-minggu diperlukan untuk padamkan api sebab kawasan besar."

**ZAINAL ELIAS ABDUL AZIZ**  
Ketua Balai Bomba Semenyih

**HAMDAN ABU** menunjukkan tayar terpakai yang mungkin dikumpulkan untuk tujuan kitar semula atau pelupusan.

ZAINAL ELIAS ABDUL AZIZ (tengah) ditemani Pengerusi Gagasan Prihatin Semenyih (GPS), Azman Ahmad (kiri) ketika meninjau masalah longgokan tayar terpakai di Batu 23, Jalan Sungai Lalang, Semenyih, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN



Longgokan ribuan tayar terpakai di kawasan lapang cetus kebimbangan

## Lubuk 'ternak' nyamuk?



SKUAD TERJAH

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN, AMIRUL AIMAN ANUAR dan NIK HAFIZUL BAHARUDDIN  
kluang@utusan.com.my

SEMENYIH 1 FEB.

MISTERI longgokan tayar terpakai di kawasan lapang berdekatan sebuah kilang di Batu 23, Jalan Sungai La-

lang, di sini mencetuskan kebimbangan pelbagai pihak terutama penduduk sekitar terhadap ancaman wabak denggi. Difahamkan, tayar-tayar yang dibiarakan sejak lima tahun lalu itu menjadi lubuk terbesar pembiakan nyamuk Aedes berikutan terdapat air bertakung pada setiap tayar berkenaan. Tinjauan *Skwad Terjah* ke kawasan itu mendapati, pelbagai jenis dan saiz tayar kenderaan terutama tayar triler, lori dan kereta dilonggokkan setinggi tiga hingga lima meter di atas tanah dipercayai milik kerajaan berkekuasaan kira-kira 0.8 hektar. Lebih memeranjatkan dan mencetuskan kebimbangan apabila ia dilonggokkan di bawah kabel bervoltan tinggi yang berke-

mungkinan mendatangkan risiko lebih besar sekiranya berlaku kebakaran. Pengerusi Gagasan Prihatin Semenyih (GPS), Azman Ahmad berkata, longgokan ribuan tayar tersebut ibarat bom jangka yang sangat bahaya kepada penduduk sekitar jika kebakaran berlaku dek perbuatan khianat atau kecuaihan. "Sekiranya terbakar dan terkena kabel, berkemungkinan ia boleh mengganggu penghantaran voltan Tenaga Nasional Berhad (TNB) ke seluruh negara. Selain risiko kebakaran yang tidak tertawal, tayar-tayar itu menjadi tempat pembiakan Aedes, tikus dan haiwan berbasah. "Kita tidak mahu melihat ia menjadi penyumbang kepada kenaikan peratusan kes denggi

di Selangor yang sememangnya berada di carta pertama di seluruh negara," katanya ketika ditemui di lokasi berkenaan di sini semalam. Menurut Azman, pihaknya sudah melakukan tinjauan ke kawasan tersebut pada Ogos tahun lalu namun longgokan tayar terbit masih wujud disebabkan tiada sebarang tindakan dari pihak berwajib meskipun aduan demi aduan dikemukakan. "Oleh itu, kita mahu Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) serius dalam hal ini, tangani masalah berbangkit seperti mungkin bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan berkaitan dengan membuat pemantauan secara berkala. "Perbuatan ini adalah tidak bertanggungjawab kerana me-

mentingkan perniagaan sematamata. Yang terlibat tidak memikirkkan sebarang keburukan atau bencana boleh berlaku," tegasnya. Sementara itu, Ketua Balai Bomba Semenyih, Zainal Elias Abdul Aziz berkata, jika berlaku kebakaran, bukan mudah untuk dipadamkan dan mungkin memakan masa berhari-hari. "Asapnya sahaja boleh membahayakan manusia atau melemaskan serta mencemar udara. Lebih bahaya apabila longgokan itu berada di bawah kabel voltan tinggi. "Yang kedua, sumber bekalan air jauh. Kita kena bawa seluar-kurangnya lima lori tangki untuk memadam api secara menyeluruh," katanya lagi.

## MPKJ siasat aktiviti di tapak longgokan tayar

MAKLUM BALAS


KUALA LUMPUR 1 Feb. - Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) akan melakukan siasatan menyeluruh berhubung aduan longgokan tayar di kawasan lapang di Batu 23, Jalan Sungai Lalang, Semenyih yang menimbulkan kebimbangan orang ramai. Pegawai Perhubungan Awam MPKJ, Kamarul Izan Sulaiman berkata, semakan akan dijalankan untuk mengesan empunya atau jenis tanah tersebut yang didakwa mencetuskan kebimbangan terutama penduduk sekitar terhadap penularan wabak denggi. Katanya, kebimbangan dilahirkan orang ramai serta beberapa pihak terhadap aktiviti meragukan di tapak itu berasaskan jika ia mewujudkan

rasa tidak selamat memandangkan kawasan simpanan ribuan tayar itu wujud sejak beberapa tahun lalu. "Siasatan terperinci serta lawatan ke tapak longgokan akan dibuat bagi menyemak sama ada operasi berkenaan melibatkan aktiviti yang bertujuan mengaut keuntungan atau sebaliknya. "Sebarang pelanggaran syarat atau ketidakpatuhan undang-undang pihak bertuasa tempatan (PBT) akan disemak dengan

teliti seterusnya tindakan penguatkuasaan akan diambil bersama beberapa agensi yang terlibat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Beliau mengulas aduan yang dibangkitkan oleh Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) baru-baru bersama penduduk kluatir longgokan tayar yang terletak di bawah kabel bervoltan tinggi akan mendatangkan kemudaratan sekiranya berlaku kebakaran. Menurut Kamarul Izan, penglibatan beberapa pihak berkepentingan juga diperlukan sekiranya operasi penguatkuasaan diambil di tapak tersebut jika benar wujudnya ketidakpatuhan syarat PBT.



AIR bertakung dalam tayar mungkin menjadikan kawasan ini lokasi 'penternakan' nyamuk terbesar di Selangor.



LONGGOKAN tayar terpakai yang menjadi tempat pembiakan nyamuk seterusnya menjadi penyumbang kepada peningkatan kes denggi.

